



Dr Victor  
Pogadaev

# Russia simpan khazanah sastera, budaya Melayu

Resilience... 2010... 10...

Berita Harian PiliH 26/6

Maklumat dikumpul pengembara atau pelaut sejak k

MAKLUMAT mengenai Malaysia dan

10/1/2010 M/S 20

kurun ke-17 banyak dijadikan karya ilmiah

gahan kapal R  
lebih 40 kapal)

**M**AKLUMAT mengenai Malaysia dan orang Melayu di Russia diperoleh daripada sumber Barat dan ditambah dengan laporan selok-belok orang Russia yang mengadakan perjalanan mengelilingi dunia. Misalnya, catatan pegawai tentera laut Russia, A Butakov. Beliau melihat orang Melayu julung kali di Pulau Pinang pada 1842. Pengembara Russia itu juga cuba memahami wataknya dan mengerti sikap mereka terhadap persekitaran. Apabila membandingkan orang Melayu dengan bangsa lain, Butakov memberi keutamaan kepada orang Melayu yang disifatkannya 'mempunyai ciri mulia kerana jujur dan selalu menepati janji'.

Beliau menyukai bahasa Melayu yang menurutnya mirip kepada bahasa Itali dari segi bunyi. Setiap kali berpeluang bercakap dengan orang Melayu, Butakov cuba menceritakan kepada mereka mengenai tanah airnya.

Pada masa itu orang kurang pengetahuan mengenai Russia. Alangkah hairannya seorang ulama mendengar cerita negara jauh itu. Orang Melayu tidak pernah melihat salji. Lama-kelamaan, bilangan orang Russia yang melawat Melaka bertambah. Ada banyak gambaran mengagumi alam setempat dan keindahan Melaka. Dengan minat mendalam, mereka menceritakan mengenai kemahiran tukang besi Melayu menempa keris. "Senjata orang Melayu pada amnya dan keris terutama sangat tulen dari segi bentuk dan kemahirannya", begitu kata seorang pengembara Russia itu.

Pelaut Russia terkenal, IF Kruzenstern (1770-1846) dalam pelayarannya ke Pasifik melawat Tanah Melayu pada 1798 dan sempat membawa pulang contoh sastera Melayu yakni naskhah *Sejarah Melayu* yang diciptakan pada masa gemilang Kesultanan Melaka. Di Russia, beliau menyerahkan naskhah itu kepada ahli Akademi Sains, HD Fren yang menghantarnya ke Muzium Asia. Pada naskhah itu ada tulisan tangan Fren yang memberitahu bahawa Kruzenstern mendapat izin 'kakitangan kerajaan' membuat salinan naskhah itu yang bernilai tinggi.

Baru-baru ini naskhah itu diterjemah dan diterbitkan sarjana Russia, Elena Revunenkov. Pada kurun ke-18, terjadi peristiwa lebih menarik. Atas titah Ratu Catherine Agung, sebuah kamus perbandingan daripada 180 bahasa dan loghat termasuk bahasa Melayu diterbitkan. Pengaruh sastera Melayu terhadap sastera Russia kelihatan pada kurun ke-19 dan ke-20 apabila karya seperti puisi Melayu termasuk pantun dicipta penyair Russia, Valery Bryusov (1873-1924), Adelina Adalis (1900-1969) dan Nikolay Gumilev (1986-1921).

Dalam *Lagu-Lagu Melayu* misalnya yang dicipta Bryusov (1909), jelas gambaran mengenai kepulauan Melayu apabila menyebut 'keharuman bunga cempaka yang diserapi oleh angin', pokok beringin, pisang, pandan, kelapa, sawah dan harimau di belukar rimba. Puitis watak serta muzik rentaknya seperti diterjemahkan berikut:

*Gelombang putih di pantai laut,  
Siang malam ombak menderu,  
Bunga putih di padang banyak,  
Yang kena di hati cuma satu.*

*Pasang naik air mendalam,  
Mulut rakus menelan orang,  
Nak cumbu rayu siang malam,  
Rindu aku bukan kepalang.*

*Di langit bulan purnama putih,  
Laut menari mabuk kepayang,  
Mukamu bulan, bibirmu merah,  
Jantung menari di dada sayang.*

*Angin berhembus berbau cempaka,  
Kurma, kelapa, pandan dan pisang.  
Pengantin gembira, di leher pedaka,  
Tocang beriben, tangan bergelang.*

*Padi memutih disinari bulan,  
Kelawar hitam berandai-randai,  
Pengantin baru berdakap-dakapan  
Isteri dicium dan dibelai.*

*Harimau ke rimba pagi-pagi,  
Pagi-pagi ular ke lubang,  
Pagi-pagi terik matahari,  
Kucari teduh di gunung-ganang.*

Antara karya ilmiah masa itu juga termasuk buku ahli geografi dan pengembara M Venyukov *Catatan Mengenai Keadaan Kini Wilayah Jajahan British di Asia* yang diterbitkan pada 1875. Dalam buku itu, beliau menganalisis pentadbiran Inggeris di wilayah jajahannya dan cara eksploitasi jajahan. Saintis Russia dengan tegas menentukan sikap penjajah terhadap penduduk setempat sebagai 'bangsa penakluk yang angkuh terhadap orang yang ditakluk kerana bukan saja kekayaannya dirampas, malah juga dihancurkan secara sistematik'.

Sikap itu tidak berubah apabila penulis Russia, A Fyodorov yang mengelilingi dunia pada 1903. Dalam catatannya, beliau menyebut menyaksikan sendiri bagaimana seorang Eropah yang

“ Pada kurun ke-18, terjadi peristiwa lebih menarik, atas titah Ratu Catherine Agung, kamus perbandingan daripada 180 bahasa dan loghat termasuk bahasa Melayu diterbitkan ”

“ Pengaruh sastera Melayu terhadap sastera Russia kelihatan pada kurun ke-19 dan ke-20 apabila karya seperti puisi Melayu termasuk pantun dicipta penyair Russia, Valery Bryusov (1873-1924) dan Adelina Adalis (1900-1969) ”

(kononnya) berperadaban tinggi, mencampakkan puntung rokok pada belakang seorang penarik beca.

Peranan istimewa dalam pengajian Melayu dimainkan ahli etnografi Russia, NN Miklukho-Makay (1846-1888) yang pernah dua kali mengunjungi Melaka pada 1874-1875. Daripada catatannya, beliau amat bertuah kerana 'Sultan Johor, Sultan Abu Bakar cepat mengerti erti matlamat ilmiah saintis itu dan memberi pertolongan kepadanya.

Baginda menulis beberapa surat sokongan dan membantu menyelenggara ekspedisi.' Selama berada di Johor, saintis Russia itu turut diberi kemudahan di satu daripada istana diraja. Tetapi Miklukho-Maklay tidak boleh tinggal lama di istana itu. Beliau tergesa-gesa menyelidiki seberapa banyak suku dan bangsa yang boleh. Beliau pernah berjalan kaki, naik gajah, mengharungi sungai dan naik perahu.

Musim hujan menyukarkan usahanya apabila banjir dan terpaksa berjalan melalui hutan yang dinaiki air sehingga ke paras pinggang. Bagaimanapun, apabila sampai ke kampung Melayu, beliau sentiasa berasa sikap ramah penduduknya. Ia memberi hasil besar kepada kajiannya: apabila beliau sempat mengumpulkan banyak data antropologi dan etnografi mengenai pelbagai suku dan Orang Asli Semenanjung.

Pada 1890 di Singapura, pejabat konsul Russia dibuka. Ia mengurus masalah mengenai persing-

gahan kapal Russia (pada 1900 saja dianggarkan lebih 40 kapal). Di sini kapal itu diisi bahan bakar dalam perjalanannya dari Baltik ke Lautan Pasifik. Dengan penubuhan konsulat itu, Russia mendapat peluang memperoleh maklumat yang lebih terperinci keadaan di Malaya.

Menarik juga bahawa pada akhir 1903, Sultan Johor menyatakan niat melawat Russia selama kunjungannya ke Eropah (dengan tujuan mencari pengimbang kepada dasar British). Kementerian Luar Russia menyetujui lawatan itu tetapi di arkib Russia tiada maklumat mengenai kunjungan Sultan Johor ke Russia atau sama ada ia dihalang oleh Revolusi Russia 1905-1907.

Konsul Jeneral Russia, AM Vivodtsev beberapa kali mengajukan keperluan perluasan perdagangan dengan Malaya, menekankan bahawa di sini boleh memborong kopra, timah, kapur, nanas dalam tin, lada hitam. Beliau menghubungkan pertumbuhan hubungan dengan Malaya melalui penerokaan Siberia dan wilayah Timur Jauh Russia. Kalau membina kilang di sana, maka hasil pengeluarannya boleh dibawa ke Asia Tenggara dan barang Russia tidak akan kalah kepada barang dari Eropah. Malaya pada masa itu memainkan peranan besar dalam kehidupan seorang rakyat Russia Maligin, atau disebut juga Mamaliga yang namanya diperoleh daripada arkib, berkat usaha seorang sejarawan Russia EIG-nevusheva (1916 - 1994).

Pada 1892 Maligin melalui Singapura tiba di pulau Lombok, Indonesia dengan menjadi penasihat raja. Pada 1894 beliau memimpin perjuangan anti-Belanda di pulau itu. Pemberontakan ditumpas dan Maligin ditawan. Pada 1896 beliau dijatuhkan hukuman penjara 20 tahun tetapi pada 1898 diampunkan dan diserahkan kepada Russia. Pada 1901 Maligin tiba semula di Singapura dengan menjadi pelaut di kapal Russia di Odessa.

Ketika Perang Dunia Pertama, Russia mengambil bahagian dalam pertempuran di wilayah ini. Di Georgetown, Pulau Pinang ada kawasan perkuburan Bandar Jalan Barat untuk pelaut dari kapal penjelajah Russia, *Zhemchug* (Mutiara) yang ditenggelamkan Jerman pada Oktober 1914. Pada 1975, di atas pusara itu sebuah tugu didirikan. Pada Februari 1915, Russia sebagai sekutu Inggeris ditawarkan untuk menumpas pemberontakan tentera India di Singapura.

Untuk menghalang pemberontak menyusup ke benua, pasukan komando Russia (40 kelasi dan tiga pegawai) menduduki kawasan di utara pulau. Satu-satunya pertempuran pasukan komando dengan pemberontak terjadi pada 25 Februari. Dalam pertempuran itu, dua kelasi Russia cedera. Pada 1912, Melaka dikunjungi ahli zoologi Russia, II Puzanov yang membawa pulang banyak bahan menarik dan diserahkannya sebagai hadiah kepada Muzium Antropologi Universiti Moscow.

Selepas revolusi Oktober 1917, hubungan antara Russia dan Malaya terputus meskipun pengajian Melayu diteruskan berkat usaha saintis LA Mervart (1888-1965). Perubahan situasi di kawasan itu pada 1960-an membuka jalan untuk saling mengadakan hubungan.

Hubungan langsung antara wakil Soviet Union dan Malaysia diadakan pada September 1966 di Moscow, dan pada 3 April 1967, hubungan diplomatik diwujudkan dan perjanjian perdagangan ditandatangani. Pada Disember 1991, Persekutuan Russia diakui sebagai penerus hak Soviet. Sejak itu perhubungan antara kedua-dua negara semakin cergas.

**Dr Victor A Pogadaev ialah sarjana Russia, kini berkhidmat sebagai Profesor Madya di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya**



**SUNGAI Melaka pernah menjadi laluan penting pedagang dan pengembara seluruh dunia ke Tanah Melayu.**

*Angin berhembus berhau campaka*

*(Angin berhembus berhau campaka)*